

## **CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK ANAK-ANAK PADA ERA GLOBALISASI: MERENTASI REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

Siti Rashidah Abd Razak  
*sitirashidah@kuis.edu.my*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

Siti Rokyah Md Zain  
*Universiti Teknologi Mara*

Siti Razasah Abd Razak  
*Tetuan Razasah Razak & Co*

### **ABSTRAK**

Teknologi telah menyerap dalam sebahagian besar kehidupan seharian kita. Malah ada yang mengatakan kemahiran yang kita belajar dalam pendidikan formal kini sudah tidak relevan untuk masa akan datang. Pernyataan ini dapat dilihat jelas bahawa situasi pandemik COVID-19 telah mengubah landskap global termasuk pendidikan tinggi khususnya. Sehingga kini kebanyakan kampus universiti beroperasi secara terhad dan proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara dalam talian. Secara umumnya, (1)dewasa ini pengaruh media massa dan media sosial amat besar ke atas generasi muda, khususnya golongan remaja dan pelajar.(2) Kewujudan bahan-bahan dari dalam atau luar negara menerusi lawan sesawang dan berbagai aplikasi media sosial yang ada telah menimbulkan masalah yang besar kepada perkembangan masyarakat khususnya dalam membentuk akhlak dalam kalangan remaja dan pelajar. (3)Keadaan ini menjadi lebih serius lagi akibat kesibukan ibu bapa yang menyebabkan mereka tidak dapat memberikan tumpuan kepada pendidikan anak-anak dan mereka secara bebas melayari laman-laman web tanpa pemantauan, bimbingan dan kawalan yang bersesuaian. (4)Pendidikan masa kini bukan hanya untuk melahirkan warganegara yang baik tetapi lebih memfokuskan kepada warganegara global yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan motivasi untuk menangani isu-isu kemanusiaan dan persekitaran. (5)Dalam konteks perundangan pula, anak-anak ini terdedah kepada perbuatan dan tindakan yang keterlaluan impak kebergantungan mengambil input dan bahan dari laman sesawang dan kontak dengan media elektronik dan media sosial ini. (6) Perkara ini turut memberi kesan kepada perubahan ekonomi negara. Justeru penulisan ini menumpukan kepada cabaran dalam pembentukan akhlak anak-anak berikutan perkembangan revolusi perindustrian ke-empat(IR 4.0)ini. Kajian ini menggunakan metodologi secara perpustakaan sahaja iaitu kajian yang tidak melibatkan aktiviti di lapangan. Metodologi ini lebih menjimatkan masa dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Hasilnya mendapati bahawa wujudnya cabaran yang lebih tinggi terhadap guru dan ibu bapa dalam proses membentuk akhlak anak-anak pada era ini berbanding masa lampau. Kajian turut memberi beberapa cadangan bagi penambahbaikan dari aspek pendidikan, ekonomi dan undang-undang.

**Kata Kunci :** *akhlak, media massa, media sosial, revolusi industri ke-4(IR 4.0), teknologi*

## **PENDAHULUAN**

Akhlak. [akh.laq] | اخلاق kelakuan atau tingkah laku yang baik; budi pekerti; moral. 2 kelakuan; tabiat. Ia juga menggambarkan perangai dan tingkah laku seseorang. Menurut pandangan sebahagian ulama akhlak bermaksud sifat yang tertanam di dalam diri yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan (Siti Zaleha, et.all,2018). Dalam penyelidikan ini fokus utama adalah pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar yang termasuk dalam kategori remaja dalam mendepani arus globalisasi masa kini seiring era revolusi perindustrian 4.0.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pada hari ini teknologi berkembang pesat dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pendidikan. Selepas negara dan seluruh dunia dikejutkan dengan serangan virus Corona (Covid-19) lanskap dunia pendidikan turut mengalami perubahan. Guru merupakan sebagai pemudahcara berbanding sebagai pendidik utama dalam sistem pendidikan terdahulu. Saban hari terdapat laporan dari pelbagai pihak tentang masalah disiplin dan kebejatan akhlak yang merunsingkan. Menurut Harits Asyraf Hasnan, (2018) berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, dianggarkan secara purata, dilaporkan setiap tahun seramai 4,000 remaja perempuan hamil bawah 18 tahun. Statistik ini amat membimbangkan. Memandangkan maklumat sangat penting dalam dunia globalisasi sehingga ia menjadi penentu dan penggerak kepada masa depan, maka ledakan dunia teknologi digital membawa cabaran dan impak yang besar terhadap pegangan dan penghayatan nilai-nilai agama serta akhlak remaja selain pengaruh negatif yang merubah minda serta gaya hidup insan. Secara tidak langsung ia menghakis dan mengubah paradigma tauhid, syariah dan akhlak sehingga mengikis nilai-nilai agama dan keinsanan. Justeru, kajian perlu dibuat untuk mengenalpasti punca dan kaedah mengatasi masalah tersebut. Kita ingin melihat bagaimana ledakan revolusi ini dapat memberi peluang yang baik dalam tiga bidang yang dibincangkan iaitu pendidikan, ekonomi dan perundangan.

## **KENYATAAN MASALAH**

Dalam kajian ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk menilai tiga perkara asas (1) Bagaimanakah peluang dan cabaran dunia teknologi Revolusi Industri 4.0 terhadap pendidikan, ekonomi dan undang-undang? (2) Apakah cabaran pembentukan akhlak remaja dalam era ini? (3) Apakah saranan kepada pihak-pihak terlibat?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini meletakkan tiga objektif utama untuk dicapai. Walau bagaimanapun hasil kajian terhadap kepada sumber yang dirujuk sahaja. Objektif yang disasarkan ialah (1) Mengetahui cabaran-cabaran dalam membentuk akhlak anak-anak dalam arus globalisasi. (2) Mengenalpasti tiga aspek yang boleh mendatangkan peluang dan cabaran dalam era Revolusi Industri 4.0 (3) Memberi saranan dan cadangan penambahbaikan bagi ibu bapa dalam pembentukan akhlak anak-anak pada era ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Secara umumnya ini merupakan hasil kajian kualitatif. Kajian ini bersifat teoritikal dan praktikal serta deskriptif analisis, iaitu menggambarkan secara tepat sifat-sifat suatu individu, keadaan atau gejala-gejala tertentu dan hubungan antara gejala tersebut. Menurut Koentjaraningrat, (1991) penyelidikan ini juga dapat digolongkan kepada penyelidikan keperpustakaan (library research).

### **Apakah yang dimaksudkan dengan Revolusi Perindustrian 4.0?**

Menurut pengasas Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab dalam bukunya *The Fourth Industrial Revolution*, Revolusi Industri Keempat ini ditandai dengan kemunculan superkomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi, suntungan genetik dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia untuk lebih mengoptimalkan fungsi otak. Dengan kata lain peranan utama manusia diambil alih oleh robot pintar. (UMP,2017).

### **Perkembangan Revolusi Perindustrian:**

Revolusi perindustrian pertama bermula pada abad ke-18 bergantung kepada penggunaan mesin berkuasa wap. Revolusi perindustrian kedua pula melibatkan kuasa elektrik bermula pada awal abad ke-20. Manakala revolusi perindustrian ketiga pula berasaskan teknologi maklumat dan komputer. Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) melibatkan teknologi automasi. Revolusi ini memerlukan manusia melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing. Bagaimanapun, Revolusi Perindustrian 4.0 ini mencakupi penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis dan data yang besar, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan cloud yang bakal meran-cakkan kemajuan landskap dunia moden. Revolusi ini menunjukkan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi. Teknologi automasi itu dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung. Keadaan ini dapat mengatasi masalah kebergantungan terhadap sumber tenaga(modal insan) yang secara signifikan akan mengubah masa depan dunia pekerjaan. Justeru, sekiranya cabaran teknologi baharu yang kompleks itu tidak diberi penekanan sewajarnya, ia boleh menyebabkan Malaysia jauh ketinggalan dalam persaingan di peringkat global.

Ketua Pakar Pendidikan Tinggi Bank Dunia, Francisco Marmolejo dalam Seminar Revolusi Industri 4.0 pernah menyatakan, sistem pendidikan tinggi di seluruh negara juga akan mengalami perubahan hasil Revolusi Industri 4.0.

## **TIGA PELUANG DAN CABARAN DALAM ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0 DI MALAYSIA**

Walaupun teknologi digital pada era Revolusi Industri 4.0 ini ada masa dilihat merosakkan serta menjarakkan hubungan fizikal, tetapi terdapat banyak peluang yang perlu direbut oleh semua pihak. Dalam penyelidikan ini pengkaji mendapati terdapat tiga bidang utama yang dilihat boleh mengambil peluang dan manfaat daripada ledakan digital ini.

## **Pendidikan**

Dampak teknologi pada masa kini berpotensi untuk membantu pelajar dalam mendapatkan maklumat yang lebih cepat dan efisien dalam proses menuntut ilmu. Kemudahan teknologi di sekolah serta di rumah boleh digunakan sebaiknya untuk meningkatkan potensi diri bukan sahaja dalam bidang pendidikan bahkan kemahiran. Walaupun ada isu dari sudut kesahihan sumber tetapi masih banyak laman yang berfaedah dan disediakan oleh pihak yang berautoriti yang boleh dirujuk. Dasar global langit terbuka pada abad ini menjadikan Malaysia mengalami kemajuan yang dramatik dalam bidang Teknologi dan Penyebaran Maklumat. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab dalam melaksanakan dasar agar Malaysia mampu bersaing bersama negara-negara maju di seluruh dunia. Semua elemen dalam pembelajaran abad ke-21 ini terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (www.sistemguruonline.my, 2017). Keberkesanan Pendidikan Abad Ke-21 ini bukan sekadar tertumpu pada prasarana dan susun atur bilik darjah tetapi penentu utama kejayaan adalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid bukan berpusatkan guru. Guru perlu menjadi pemudahcara kepada murid dalam sesuatu aktiviti di dalam kelas. (ibid).

Pada masa kini, pembelajaran atas talian serta melalui teknologi seperti Frog VLE lebih sistematik dan interaktif untuk menarik perhatian pelajar memahami subjek tertentu. (Saadiah Ismail dan Seri Nur Nadia Koris, 2018). Kaedah itu juga menyuburkan minat pelajar untuk mengetahui lebih lanjut, memberi pemahaman dan seterusnya memudahkan ibu bapa untuk memantau apa yang sedang dipelajari anak masing-masing. Menerusi projek 1BestariNet pula, semuanya lebih mudah, menarik dan pada masa sama pelajar tidak dibebani dengan buku teks dan sebagainya kerana mereka belajar menerusi alam maya. (ibid). Selain itu keadaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti yang dialami di Malaysia khususnya (bermula 18 Mac 2020), keperluan pembelajaran secara atas talian adalah sangat relevan. Pengajian secara atas talian bukan sahaja menjimatkan masa malahan tenaga apatah lagi jika guru terpaksa berdepan dengan mesyuarat atau faktor kesihatan dan lain-lain sebab agar dapat mengelak keciciran dalam silibus dan subjek. Sepanjang musim pandemik Covid-19 misalnya, pengajaran terutama di peringkat kolej dan universiti diadakan secara maya. Tenaga pengajar mahupun pelajar perlu belajar pelbagai aplikasi dan teknologi Pendidikan dan perlu membiasakan diri dengan norma baharu ini. Pelbagai kursus dan kelas dibuka untuk memperkenalkan tentang kaedah yang sesuai digunapakai dalam memastikan proses PdPc berjalan lancar dengan meminimumkan perjumpaan secara bersemuka. Walaupun terdapat rungutan dari pelajar tentang norma baharu dalam pembelajaran ini, tetapi mereka terpaksa akur dengan keadaan semasa. (Siti Rashidah, Google Classroom, 2020).

## **Ekonomi**

Ledakan teknologi berasaskan Revolusi Industri 4.0 ini juga mampu mengajak dan memberi paradigma baru dalam cabaran ekonomi secara global (Mokmin Basir, 2004). Dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Teknologi dan Komunikasi dan Perubahan Nilai Masyarakat:', Mokmin Basri menggariskan cabaran ekonomi yang boleh dicetuskan oleh Revolusi Industri 4.0.

- 1) Kedudukan dan nilai pengetahuan  
Penggikisan kedudukan kepentingan ekonomi tradisional asas tani kepada penambahan dengan suntikan nilai ilmu pengetahuan yang mudah diakses, tepat dan penyampaian secara kreatif. Dengan capaian internet yang mudah dan cepat, kaedah

mengurus dan menghadapi ekonomi global juga terarah ke arah penggunaan pembelian dan penjualan secara atas talian. Jadual dibawah menunjukkan seramai 26 juta rakyat Malaysia yang menggunakan pembelian atas talian. Majoriti julat umur mereka ialah di antara 16 - 64 tahun.

<b>Peratusan Pengguna Malaysia</b>	<b>Pengguna Online Shop - Malaysia</b>
80%	Carian dalam talian untuk produk atau perkhidmatan
91%	Melawat secara maya kedai runcit atau laman sesawang dalam talian
88%	Membeli produk atau perkhidmatan dalam talian
37%	Membeli produk atau perkhidmatan dalam talian di desktop dan komputer riba
62%	Membuat talian membeli produk atau perkhidmatan dalam talian telefon bimbit

Sumber: <https://datareportal.com/reports/digital-2019-ecommerce-in-malaysia>

Rata-rata 80% rakyat Malaysia menggunakan carian dalam talian untuk produk dan perkhidmatan yang mereka inginkan. Sementara 91% pula melawat secara maya kedai runcit atau laman sesawang untuk melakukan “window shopping” terlebih dahulu. Selain dari itu, 88% rakyat Malaysia membeli produk atau mendapatkan perkhidmatan atas talian, sementara 37% pula melakukan pembelian melalui desktop atau computer riba. Majoriti menggunakan telefon bimbit untuk membuat pesanan dalam talian. Data yang dikongsi oleh Datareportal September 2019 ini membuktikan majoriti kegiatan ekonomi telah beralih kepada operasi dalam talian.

## II) Infrastruktur

Dengan paradigma baru dalam ekonomi secara global, terutamanya penjualan dan pembelian dalam talian, kemudahan infrastruktur adalah sangat penting bagi memastikan kecapaian dan kelangsungan K-ekonomi. Keupayaan untuk saling menghubungi dan terhubung (interconnectedness) adalah penting bagi memastikan ekonomi bergerak lancar seperti yang diharapkan oleh pengguna. Peranti-peranti yang mudah dan efisien mampu meningkatkan capaian komunikasi dalam ekonomi. Selain dari itu, ketelusan maklumat juga adalah menjadi satu cabaran kepada K-ekonomi yang berorientasikan Revolusi Industri 4.0 ini. Para pengendali laman sesawang sepatutnya menyediakan maklumat yang informatif, relevan dan tulus. Dengan ini, K-ekonomi akan lebih berkembang kerana kepercayaan pihak pengguna terhadap ketelusan maklumat yang disediakan pengendali laman sesawang. (Abdul Rahim Anuar dan Zulikha Jamaluddin, 2005).

## III) Cabaran bantuan teknikal dan platform K-ekonomi yang bersesuaian

Bantuan teknikal adalah sangat penting dalam memastikan Revolusi Industri 4.0 dari sudut ekonomi dapat digarap dengan lebih saksama dan berkesan. Keupayaan bantuan teknikal bagi membantu pengguna dan menyokong K-ekonomi tika menghadapi halangan-halangan

atau kesulitan teknikal adalah wajar diberi keutamaan. Maklumat ekonomi yang komprehensif boleh membantu dan mengurangkan masa berhadapan dengan karenah birokrasi jika perkara tersebut dilakukan secara bersemuka.

## **Perundangan**

Dalam aspek perundangan pula terdapat beberapa peluang dalam ledakan IR4.0 ini antaranya perkembangan teknologi perkomputeran dan automasi boleh kekal sihat dan berdaya saing termasuk bagi urusan dokumentasi perundangan. Selain itu perkembangan IR4.0 dapat memberi peluang pekerjaan dalam sudut undang-undang dari segi pelajaran undang-undang berkaitan undang-undang keselamatan. Akhir sekali keadaan ini dapat mewujudkan bidang baru dalam pelbagai kes yang melibatkan artificial intelligence atau AI. (Adnan Pitchan dan Siti Zobidah Omar, 2019). Ia dapat dikembangkan lagi sehingga mampu memudahkan dan mempercepatkan urusan yang dikenalpasti sebagai rumit dan lewat seperti urusan di pejabat tanah, bank dan mahkamah.

## **CABARAN UTAMA DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK ANAK-ANAK**

Selepas melihat tentang ledakan Revolusi Industri 4.0 ini di sekeliling kita, satu langkah berterusan perlu dilaksana bagi mengenalpasti cabaran utama dalam pembentukan akhlak anak-anak masa kini. Dalam keghairahan mengejar tuntutan revolusi industri 4.0, ibu bapa perlu terus memastikan anak-anak terkawal dari sudut akhlaknya. Berdasarkan kajian, lima cabaran utama telah dikenalpasti dalam pembentukan akhlak anak-anak. (i) individu/anak itu sendiri (ii) rakan sebaya (iii) guru (iv) ibu bapa/penjaga dan (v) media dan masyarakat.

### **Individu/ anak itu sendiri**

Individu atau diri anak itu sendiri merupakan cabaran yang paling utama dalam pembentukan akhlak. Golongan remaja kini yang sedang membesar dengan kecanggihan teknologi dan media massa dari segi pembentukan akhlak dan fisiologi persekitaran hidup mereka. Kecanggihan dunia digital kepada golongan remaja telah memberi kesan yang baik mahupun yang buruk. Apa yang dibimbangkan adalah dari segi cabaran dalam membentuk akhlak mereka dengan mendepani era dunia digital. Pada peringkat ini seseorang itu akan mula bertindak balas kepada tuntutan emosi untuk mencari identiti dan penampilan tersendiri. Pada peringkat remaja, masing-masing mencari identiti, mereka sering berhadapan dengan konflik diri bahawa wujud dua pertembungan iaitu antara sifat kanak-kanak dan keinginan serta kebimbangan untuk menempuhi alam dewasa. Hal ini menjadi persoalan kerana adakah dunia digital pemodenan ICT telah membawa anjakan paradigma yang lebih baik terhadap pembangunan akhlak remaja atau pun disalahgunakan oleh remaja pada masa kini. Seperti mana yang sedia maklum, akhlak remaja pada masa kini boleh dikatakan berada di tahap yang amat membimbangkan dan sedikit sebanyak mengeksploitasi pemikiran remaja. Anak-anak mudah terpengaruh kerana sifat ingin tahu atau ingin mencuba yang tinggi. Remaja mudah terdedah dengan laman-laman yang tidak bermoral selain terdedah kepada ketidaksahihan maklumat yang diperolehi sedangkan mengenalpasti sumber sesuatu maklumat itu adalah tuntutan agama. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya:

*Wahai orang-orang Yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum Dengan perkara Yang tidak diingini - Dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa Yang kamu telah lakukan.*

(al-Hujurat: 6)

Ayat tersebut memerintahkan kita supaya menyelidik (tabayyun) terlebih dahulu kesahihan sesuatu maklumat yang kita terima untuk mengelak penyesalan apabila mendapati sesuatu maklumat yang diterima tanpa diselidik terlebih dahulu.

### **Rakan sebaya**

Anak-anak juga menerima proses pembelajaran sosial melalui rakan-rakan, terutamanya rakan sebaya (Michael dan Amy, 2009). Ini berikutan anak-anak banyak menghabiskan masa dengan rakan sebaya. Oleh itu rakan sebaya juga merupakan cabaran yang besar dalam membentuk akhlak anak-anak. Sekiranya anak-anak bijak memilih rakan yang baik maka ia mampu mendidik anak-anak menjadi seorang yang berakhlak mulia berbanding jika anak-anak bergaul dengan rakan yang tidak baik akhlaknya maka mereka akan mudah terpengaruh dengan elemen buruk yang dimiliki oleh rakan sebaya tadi. Agama sendiri mengajar kita supaya memilih sahabat yang baik. Dalam satu hadis, daripada Abu Musa al-Asy'ari, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Diumpamakan sahabat yang soleh dan sahabat yang jahat ialah seperti (berkawan) dengan penjual minyak wangi dan tukang besi. Penjual minyak wangi tidak akan mensia-siakan kamu, sama ada kamu membeli minyak wangi tersebut atau hanya mencium bau harumannya sahaja. Manakala tukang besi pula boleh menyebabkan rumah kamu atau baju kamu terbakar, atau kamu mendapat bau busuk darinya.”*

(HR Bukhari)

Hadis ini menerangkan kepada kita akhlak seorang sahabat dapat mempengaruhi akhlak sahabatnya yang lain. Oleh itu, anak-anak disyorkan memilih sahabat yang baik dalam usaha membentuk akhlak yang baik.

### **Guru dan Guru Pendidikan Islam (GPI)**

Guru terutamanya Guru Pendidikan Islam (GPI) adalah salah satu pihak yang diharapkan dapat membentuk akhlak anak-anak terutama ketika anak-anak berada di sekolah. Walaubagaimanapun GPI perlu memenuhi tuntutan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPC). Selain itu, di sekolah GPI juga terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum serta tugas pentadbiran dan pengkeranian. Maka bebanan tugas yang banyak menjadi kekangan yang besar bagi GPI untuk memberi perhatian sepenuhnya dalam membentuk akhlak murid-murid lebih-lebih lagi bagi mereka yang menghadapi masalah akhlak. GPI juga terikat dengan (Key Performance Indicator) KPI yang perlu disempurnakan setiap tahun bekerja, maka ia turut menghalang GPI daripada menumpukan perhatian yang lebih dalam pembentukan akhlak pelajar lebih-lebih lagi yang bermasalah. (Siti Rashidah et.al, 2016).

### **Ibu bapa/ penjaga**

Menurut 'Abdullah Nasih 'Ulwan (1988: 120), anak adalah amanah yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada kedua ibu bapa dan hati seorang bayi itu suci ketika baru dilahirkan. Jika anak-anak dibiasakan dan diajar dengan kebaikan maka mereka akan membesar dengan kebaikan tetapi jika sebaliknya, ia akan membesar dengan kejahatan. Tuntutan kerja dan keperluan hidup merupakan faktor utama mengapa ibu bapa dan penjaga menghadapi cabaran kurang masa bersama anak-anak. Ibu bapa sepatutnya memainkan peranan penting dalam memantau perubahan dalam pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial anak-anak mereka. Ibu bapa terkadang terpaksa menyerahkan tanggungjawab mendidik anak-anak sepenuhnya kepada guru atau guru pendidikan Islam (GPI) dan pembantu rumah atau penjaga di pusat penjagaan harian. Maka, anak-anak kurang sentuhan kasih sayang dari ibu bapa dan terlalu didedahkan dengan sentuhan teknologi. (Sidek Baba, 2009).

### **Media dan masyarakat**

Struktur masyarakat yang telah berubah menyebabkan pelajar masa kini hidup dan bercampur dengan masyarakat yang lebih rencam. (Siti Rashidah et.all,2016). Sebagai contoh, anak-anak hari ini lebih terdedah kepada pelbagai kaum termasuk warga asing. Serba-sedikit budaya daripada rakyat asing memberi kesan kepada budaya masyarakat kita. Kemudahan teknologi dan digital sedia ada menyebabkan pelajar lebih mudah terdedah kepada anasir negatif yang dipaparkan oleh media samada media cetak mahupun media elektronik. Pendedahan kepada penggunaan teknologi tinggi juga memberi laluan kepada pelajar untuk mudah akses bahan negatif dan teringin untuk mencuba supaya mudah diterima oleh rakan sebaya. Malangnya, apabila anak-anak kurang pengetahuan dan pemantauan dari orang dewasa maka mereka terdedah dengan perbuatan melayari sumber-sumber atau cerita-cerita atau gambar-gambar yang tidak bermoral; berhubung rapat dengan orang yang tidak dikenali secara terbuka, penuh percaya dan terlibat atau melibatkan dengan penipuan-penipuan berbentuk kewangan secara terlindung. Selain itu penggunaan aplikasi digital dan teknologi boleh menjadi punca masalah pembaziran masa dan wang ringgit.

### **SARANAN PENAMBAHBAIKAN:**

Atas keperluan semasa, hakikatnya sukar untuk ibu bapa mengelak penggunaan teknologi digital dan automasi dalam kalangan anak-anak. Saranan yang dapat diberikan adalah anak-anak perlu disediakan dengan ilmu, kemahiran dan jati diri dalam menggunakan teknologi sedia ada supaya tidak tersasar dari jalan agama dan undang-undang. Selain itu ibu bapa juga perlu menunjukkan contoh yang baik terhadap anak-anak dengan menghadkan penggunaan gajet di hadapan anak-anak dan tidak melayari laman sesawang yang tidak bermoral. Pemantauan juga perlu dibuat secara berkala dan mengejut bagi memastikan anak-anak ini tidak tercicir atau tergelincir. Akhir sekali masyarakat perlu didedahkan dengan maklumat perundangan berkaitan dan undang-undang sedia ada perlu diperketatkan lagi.

### **KESIMPULAN**

Walaupun kita melihat desakan revolusi industri 4.0 adalah satu tuntutan semasa, namun pembentukan akhlak anak-anak merupakan tuntutan agama yang utama terhadap kedua ibu bapa



atau penjaga selaku guru pertama anak-anak. Walaupun hari ini ibu bapa dibelenggu kesibukan urusan dunia, anak-anak tetap perlu diberi perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya. Dalam membentuk akhlak anak-anak dalam era Revolusi Industri 4.0 yang serba mencabar ini, selain kawalan dan pendidikan, agama merupakan elemen penting untuk melahirkan warga yang berguna kepada negara. Penguatkuasaan undang-undang perlu diperketatkan bagi menghukum mereka yang terlibat dalam jenayah siber supaya keadaan ini dapat dibendung. Selain itu, kita perlu mencipta peluang kerana media elektronik masa kini berpotensi menjadi alat atau menjana sebagai sumber pendapatan.

## Rujukan

- Al Qur'an al Kareem.
- Abdullah Nasih Ulwan, Pendidikan Anak-anak dalam Islam, terj. Abdullah Semait (Singapura: Pustaka Nasional, 1988).
- Abdul Rahim Anuar dan Zulikha Jamaluddin, (2005) Agenda ICT Ke Arah Pembangunan Ekonomi Malaysia. Penerbit;UUM Sintok. 2005.
- Adnan Pitchan dan Siti Zobidah Omar,2019. Dasar Keselamatan Siber Malaysia:Tinjauan Terhadap Kesedaran Netizen dan Undang-undang,Jurnal Komunikasi :Malaysian Journal of Communication, Jilid 35(1) 2019: 103-119
- Basri, Mokmin. (2004). Teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan perubahan nilai masyarakat.
- Harits Asyraf Hasnan, Astro Awani, Oktober 22, 2018 15:05 MYT 4,000 remaja bawah 18 tahun hamil setahun di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/4-000-remaja-bawah-18-tahun-hamil-setahun-188916> pada 29 Mac 2020
- <https://datareportal.com/reports/digital-2019-ecommerce-in-malaysia>
- Kamus Pelajar Edisi Kedua,30 Mac 2020, di <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=akidah> pada 30 Mac 2020
- Kamus Pelajar Edisi Kedua,30 Mac 2020, di <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=syariah> pada 30 Mac 2020
- Kamus Pelajar Edisi Kedua,30 Mac 2020, di <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=syariah> pada 30 Mac 2020
- Koentjaraningrat, 1991 Metode-metode Penelitian Masyarakat, cet. 11 (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, diakses pada 1.4.2019 di <https://openlibrary.telkomuniversity.ac.id/pustaka/3987/metode-metode-penelitian-masyarakat.html> 1.4.2019.
- Michael, K. & Amy, A. (2009). Sociology Now: The Essentials. Boston: Pearson
- Mohd Ismail Mustari & Ahmad Shukri Jamaludin. (2010). Persepsi Mahasiswa Fakulti Pendidikan Terhadap Kesan Rancangan Hiburan Realiti Tv Akademi Fantasia, m.s. 1-17. (Tidak diterbitkan)
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 3 November 2014 di <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2010-1> pada 30 Mac 2020
- Saadiah Ismail dan Seri Nur Nadia Koris,2018, Pembelajaran Abad Ke 21Mudahkan Pelajar, Guru. Di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/409028/pembelajaran-abad-ke-21-mudahkan-pelajar-guru> pada 3 April 2020.
- Sidek bin Baba. (2009).Pembentangan Wacana Ilmu,di Pusat Konvensyen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Siti Rashidah, September,2020. Soalan aktiviti di google classroom tentang kelebihan dan kekurangan belajar secara atas talian.

Siti Rashidah et.all,2016, Cabaran Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. Vol. 13 No 4 (2016) Special Issue 3 (November 2016) E-Bangi, Journal of Social Sciences and Humanities, Faculty Of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.1-11

Siti Zaleha Ibrahim, Noraini Mohamad, Siti Rashidah Abd Razak, Mohd Farid Ravi Abdullah dan Sarinah Yahya, Akhlak Menurut Perspektif Islam (2019).Corner Printing & Resources, Hentian Kajang, Selangor.

Apakah Pendidikan Alaf 21? <https://www.sistemguruonline.my/2017/03/pendidikan-abad-ke-21.html> pada 2 April 2020.

<https://bendahari.ump.edu.my/index.php/en/info-kewangan1/530-revolusi-industri-4-0>

<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/celik-industri-4-0-1.524994#ixzz58pf2YVPy>